

Pak Cik Amran ialah ayah saudara Aiman. Beliau tinggal di Shah Alam, Selangor. Beliau merupakan doktor pakar jantung di Hospital Shah Alam.

Pada hari Ahad yang lalu, kami sekeluarga melawat Pak Cik Amran di hospital. Keadaan di hospital sungguh sibuk. Kami menunggu waktu Pak Cik Amran rehat untuk berjumpanya. Walaupun sibuk, Pak Cik Amran tetap ceria dan bersemangat merawat pesakit.

Kami seronok dapat berjumpa dengan Pak Cik Amran. Beliau berpesan kepada kami supaya menjaga jantung dengan baik. Sebelum pulang, Pak Cik Amran mengucapkan terima kasih kepada kami kerana datang melawatnya.

① Siapakah Pak Cik Amran?

② Di manakah Pak Cik Amran tinggal?

③ Apakah pekerjaan Pak Cik Amran?

④ Bagaimanakah sikap Pak Cik Amran?

⑤ Apakah pesanan Pak Cik Amran?

Pak Cik Amran seorang doktor pakar jantung.

Pak Cik Amran seorang yang ceria dan bersemangat merawat pesakit.

Pak Cik Amran ialah ayah saudara Aiman.

Pak Cik Amran berpesan supaya menjaga jantung dengan baik.

Pak Cik Amran tinggal di Shah Alam, Selangor.